

PTPTN boleh berunding peminjam mahu ke luar negara

KOTA BHARU: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menafikan ada peminjam yang disenaraihitamkan bebas keluar masuk negara sebagaimana yang didakwa sesetengah pihak.

Pengurus Kanannya, Tuan Din Tuan Mat, berkata perkara itu mustahil berlaku kerana PTPTN mempunyai hubungan dengan Jabatan Imigresen, sekali gus dapat mengesan dengan pantas tindakan mereka terbahit.

Bagaimanapun katanya, PTPTN masih membenarkan peminjam yang disenaraihitamkan untuk keluar negara jika mereka mengadakan perbincangan dengan agensi itu serta membayar sebahagian pinjaman tertunggak.

"PTPTN masih fleksibel dalam perkara ini dengan meminta mereka ke pejabat dan mengadakan perbincangan mengenai masalah dihadapi.

"Kita boleh berunding seperti mereka yang hendak menunaikan umrah atau haji, kita berbincang dan meminta mereka membayar sedikit daripada pinjaman," katanya.

Beliau memberitahu pemberita selepas majlis penyampaian pinjaman PTPTN kepada 278 pelajar yang akan melanjutkan pelajaran ke Universiti Teknologi Mara (UiTM), di sini, semalam, yang disempurnakan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Beliau mengulas laporan sebuah akhbar berbahasa Inggeris baru-baru ini yang mendakwa ada peminjam PTPTN disenaraihitamkan bebas keluar masuk negara.

Kegiatan itu dikatakan berlaku di pintu masuk kawasan sempadan dan dilakukan antara jam 2 atau 3 pagi untuk mengelak daripada dikesan.

Kelmarin, Kementerian Pengajian Tinggi meminta Jabatan Imigresen memperketatkan penguatkuasaan bagi memastikan tiada peminjam PTPTN yang disenarai hitamkan bebas keluar dan masuk negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata kementerianya belum menerima laporan mengenai dakwaan peminjam yang disenarai hitamkan berbuat demikian, namun jika kes demikian wujud, Jabatan Imigresen perlu meningkatkan penguatkuasaan mereka bagi mengelak keadaan seperti itu berterusan.

Sementara itu Tuan Din berkata, sambutan terhadap Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) di Kelantan begitu menggalakkan dan pada 2008, PTPTN mencatat 1,000 pendeposit SSPN sehari dengan nilai RM100,000.